



مجلس باندراي ملاك برسجاره  
**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**  
**BANDARAYA WARISAN DUNIA**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
<p><b>MBMB/SH/2023/26</b></p> <p><b>KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN TANDAS AWAM DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PASAR WILAYAH KLEBANG, BATANG TIGA, MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH</b></p> <p><b>Tarikh Kelulusan : 08/03/2023</b></p> <p><b>No. Fail Jabatan : MBMB/JK/00735(P)</b></p>	<p><b><u>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</u></b></p> <p>Gred G1 (Daerah Melaka Tengah)</p> <p>Kategori B</p> <p>Pengkhususan B04</p>	<p><b><u>HARGA</u></b></p> <p><b>RM10.00</b> * Tidak akan dikembalikan</p> <p><b><u>TARIKH</u></b></p> <p><b>9 Mac 2023 (Khamis) sehingga 16 Mac 2023 (Khamis)</b></p>	<p><b>TIADA</b></p> <p>*(Penyebut harga diminta melihat sendiri keadaan tapak bagi proses mengisi harga dan segalanya adalah atas tanggung jawab sendiri)</p>	<p><b><u>TARIKH</u></b></p> <p><b>16 Mac 2023 (Khamis) pada jam 12.00 tengahari</b></p> <p>Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p> <p>-----</p> <p>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p>

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **9 Mac 2023 (Khamis) sehingga 16 Mac 2023 (Khamis)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

**DATUK BANDAR**

**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**

sk : Datuk Bandar  
Setiausaha Bandaraya  
PK  
Ketua Audit Dalam